

25 AUG 2002

Mahathir-Lelaki

KERAJAAN CARI SEBAB MENGAPA LELAKI KURANG DI UNIVERSITI

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sedang berusaha mengenal pasti punca mengapa tidak ramai lelaki berminat meneruskan pelajaran hingga ke peringkat universiti.

Perdana Menteri berkata sesuatu perlu dilakukan untuk membetulkan ketidakseimbangan antara jumlah pelajar lelaki dan wanita di universiti pada masa ini.

"Tentu sekali bukan dengan cara mengurangkan jumlah pelajar perempuan di universiti, tetapi lebih kepada usaha meningkatkan jumlah pelajar lelaki. Mereka perlu diberikan motivasi," katanya.

Beliau berkata demikian pada persidangan media selepas melancarkan sambutan Hari Wanita 2002 di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini hari ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata kira-kira 70 peratus pelajar universiti terutama di kalangan pelajar Melayu adalah wanita.

Menurutnya, walaupun kaum lelaki telah didesak untuk gigih belajar supaya dapat meneruskan pelajaran ke universiti, namun ia tidak mendapat respon yang memberangsangkan.

Dr Mahathir berkata ini membuatkan beliau percaya bahawa masa depan negara kini lebih banyak ditentukan oleh kaum wanita.

"Sedikit demi sedikit "serangan" kaum wanita di negara ini mencapai kemajuan. Banyak kementerian, setiausaha-setiausaha kementerian di sini kini telah diterajui oleh kaum wanita," katanya.

"Wanita kini telah membuktikan kesungguhan mereka sehingga ada yang telah menjadi pemandu jet-jet pejuang. Apakah kaum lelaki tak merasa malu, apakah mereka ingin balik ke rumah masak lauk dan biarkan isteri cari nafkah," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak senang hati dengan jumlah lelaki yang kurang di universiti kerana keseimbangan dalam tenaga kerja antara kedua-duanya adalah penting.

"Mesti ada keseimbangan antara tenaga lelaki dan wanita dalam apa-apa bidang sekalipun. Mungkin dalam bidang tertentu jumlah lelaki kurang, tetapi dalam bidang lain jumlah mereka harus melebihi wanita," katanya.

Turut hadir pada majlis itu adalah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Sambutan Hari Wanita bertema "Nur: Memupuk Generasi Berilmu" itu dihadiri kira-kira 15,000 wanita pelbagai peringkat umur dan keturunan dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta, badan bukan kerajaan, pasukan beruniform serta pelajar institusi pengajian tinggi.

-- BERNAMA

AZH HK AZZ MOZ